

**NO. SOALAN: 93**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9147**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan lokasi lokap di seluruh negara yang telah dilengkapi sistem Teknologi Pelaporan Analisis Pemantauan Sendiri (SMART) serta kos yang telah digunakan. Mengapa kes serangan seksual masih berlaku di Pusat Tahanan Berpusat Jinjang pada April lalu.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberikan perhatian yang khusus tentang keselamatan tahanan semasa berada dalam lokap polis dengan memperkenalkan pelbagai pembaharuan untuk mengelak salah guna kuasa dan kekerasan oleh anggota polis.

Bagi tujuan pemantauan yang lebih berkesan di lokap polis, sejumlah 57 lokasi lokap di 7 Kontinjen polis telah dilengkapi dengan sistem SMART (Selangor-21 lokasi, Melaka-1 lokasi, Negeri Sembilan-2 lokasi, Kelantan-4 lokasi, Pahang-11 lokasi, Johor -13 lokasi dan Perak-5 lokasi) dan di Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor secara sewaan dengan kos RM3,397,800.00 setahun.

Bagi Lokap Berpusat Jinjang pula dipasang *Proof of Concept* (POC) oleh pihak MIMOS bagi menguji kemampuan video analiti yang melibatkan 52 buah kamera yang sedang beroperasi di lokap berkenaan.

Kejadian yang berlaku di Lokap Berpusat Jinjang dianggap sebagai kes yang terpencil kerana dilakukan oleh seorang anggota yang mempunyai masalah peribadi bukan disebabkan oleh kelemahan sistem yang dipasang di lokap tersebut. Tempat kejadian adalah di sel tahanan juvana yang masih tidak dilengkapi dengan CCTV.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 94**

**Dato' Takiuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) bagi pengeluaran Sijil Operator Udara kepada sesebuah syarikat penerbangan.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Penerbangan Awam akan melaksanakan audit teknikal merangkumi perkara-perkara yang melibatkan Operasi Penerbangan (*Flight Operations*) dan *Airworthiness* terhadap mana-mana syarikat penerbangan sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengendali Udara (*Air Operator Certificate – AOC*).

Kriteria-kriteria penilaian yang digunakan dalam penilaian audit teknikal adalah seperti berikut :

- i. Struktur pengurusan syarikat termasuk *key post holders*, tenaga kerja dan *modus-operandi* syarikat termasuk '*Business Plan*' ;
- ii. Proses temuduga dengan *post holders* dan penilaian kepakaran;
- iii. Proses semakan dokumentasi dan program penyelenggaraan pesawat syarikat; dan
- iv. Proses semakan perancangan jadual perjalanan dan penetapan laluan.